

Bil. S 22

**AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(PENGAL 157)**

**PERINTAH UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(PINDAAN JADUAL), 2000**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 13 dari Akta Universiti Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Universiti Brunei Darussalam (Pindaan Jadual), 2000 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Perintah ini disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Pindaan bab 2 Jadual kepada Penggal 157.

2. Ceraian (1) bab 2 Jadual kepada Akta Universiti Brunei Darussalam, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda, dalam takrifan "pegawai utama", dengan memasukkan "Penolong Naib Canselor," sejurus selepas "Timbalan Naib Canselor," dalam baris kedua.

Penggantian bab 12 Jadual.

3. Bab 12 Jadual kepada Akta tersebut adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Penolong Naib Canselor.	12. Majlis boleh melantik seorang Penolong Naib Canselor atau lebih atas syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis."
--------------------------------	---

Pindaan bab 17 Jadual.

4. Bab 17 Jadual kepada Akta tersebut adalah dipinda dengan memansuhkan ceraian-ceraian (1) dan (2) dan menggantikannya dengan yang berikut —

"(1) Senat hendaklah terdiri daripada —

- (a) Naib Canselor, yang akan menjadi Pengerusi;
- (b) Timbalan Naib Canselor, jika dilantik;
- (c) Penolong Naib Canselor;
- (d) Ketua-ketua institusi;
- (e) Dekan Pelajar;

- (f) Ketua Pegawai Perpustakaan;
- (g) Timbalan Dekan atau timbalan ketua institusi;
- (h) seorang wakil profesor sepenuh masa dari setiap institusi, tidak termasuk profesor pelawat, yang dipilih oleh kalangan profesor institusi yang berkenaan, yang akan memegang jawatan jika layak selama dua tahun tetapi layak dilantik semula:

Dengan syarat bahawa jika seseorang profesor sudah menjadi ahli Senat *kerana jawatan*, profesor itu tidaklah layak untuk mengambil bahagian dalam pemilihan wakil tersebut; dan

- (i) orang lain atas nama atau atas jawatan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut atau dilantik oleh Senat, setelah berunding dengan Naib Canselor, untuk memegang jawatan selama suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Senat.

(2) Naib Canselor boleh melantik seorang Timbalan Naib Canselor atau Penolong Naib Canselor untuk menggantikannya sebagai Pengerusi pada sebarang mesyuarat Senat jika Naib Canselor tidak dapat menghadiri mesyuarat tersebut:

Dengan syarat bahawa jika Timbalan Naib Canselor atau Penolong Naib Canselor tidak dapat menghadiri mesyuarat tersebut, maka Naib Canselor boleh melantik mana-mana ahli Senat untuk menggantikannya sebagai Pengerusi."

Penggantian bab 32 Jadual.

5. Bab 32 Jadual kepada Akta tersebut adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Penyiaran
statut-statut
peraturan-
peraturan.

32. (1) Apabila sebarang statut atau peraturan dibuat, dipinda atau dibatalkan, tiap-tiap statut atau peraturan, pindaan atau pembatalan itu hendaklah disiarkan dalam Buletin Universiti dan dalam bentuk atau dalam sebarang penerbitan Universiti sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Naib Canselor.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dikenakan kepada —

- (a) sebarang peraturan yang hanya mengandungi arahan-arahan kepada pemeriksa-pemeriksa atau penyelia-penyelia peperiksaan atau butir-butir mengenai kursus-kursus pengajian atau sukatan-sukatan pelajaran atau peperiksaan;
- (b) sebarang statut atau peraturan yang ditetapkan oleh Majlis supaya tidak disiarkan."

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Zulhijah, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 27 haribulan Mac, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**